



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (69)KKM-55/BPF/308/020/01Jld. 6

Tarikh : 30 April 2015

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,



## SIJIL PENGEKALAN TAHUNAN OLEH LEMBAGA FARMASI MALAYSIA

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Semua Ahli Farmasi termasuk Pegawai Farmasi kerajaan perlu memohon **Sijil Pengekalan Tahunan 2016** bermula daripada **1 Julai 2015** melalui **Business Licensing Electronic Support System (BLESS)**. Sehubungan itu surat pekeliling bernombor rujukan (49)KKM-55/BPF/308/020/01Jld.6 yang diedarkan pada 7 November 2014 yang mengecualikan Pegawai Farmasi kerajaan memohon sijil tersebut adalah terbatal.

3. Untuk tujuan permohonan Sijil Pengekalan Tahunan bagi tahun 2016, semua Ahli Farmasi diwajibkan untuk memiliki 30 mata CPD selaras dengan *Code of Conduct For Pharmacists and Bodies Corporate 2009 (Article 1.2.1 Professional Development and Contributions to Society dan Article 1.7 Continuing Education)*. Mesyuarat Lembaga Farmasi Malaysia ke-101 yang telah diadakan pada 30 September 2013 juga telah memutuskan untuk mengekalkan mata CPD minimum sebanyak 30 mata/tahun bagi tujuan permohonan sijil pengekalan tahunan seseorang Ahli Farmasi.

4. Ahli Farmasi boleh mengambil kira pengumpulan mata CPD bermula 1 Jun 2014 sehingga 30 Jun 2015 bagi tujuan permohonan Sijil Pengekalan Tahunan 2016. Pembuktian 30 mata CPD boleh dilakukan dengan menghantar salinan mata CPD yang telah dikumpul melalui sistem *myCPD* (bagi pegawai farmasi kerajaan), *CPD online*

(bagi ahli farmasi swasta melalui *Malaysian Pharmaceutical Society (MPS)*) atau lain-lain pembuktian yang telah disahkan.

5. Kerjasama yang diberikan oleh pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



ANIS BINTI TALIB  
Timbalan Pengarah Farmasi  
Cawangan Formulari & Farmakoekonomik  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**(ABIDA HAQ BINTI SYED M. HAQ)**

Pengarah Amalan dan Perkembangan Farmasi  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k: Setiausaha LFM